

Kerajaan belum sedia beri cuti dua hari

BH - 5 MAY 2001

KUALA LUMPUR, Jumaat - Kerajaan belum bersedia memberikan cuti dua hari seminggu kepada kakitangan awam kerana cuti rehat pada Sabtu pertama dan ketiga setiap bulan sekarang dianggap sudah memadai.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengakui langkah kerajaan memberikan cuti rehat pada Sabtu pertama dan ketiga setiap bulan sekarang berjaya menggalakkan rakyat berbelanja dan membantu sektor pelancongan.

Bagaimanapun, Perdana Menteri berkata, cuti rehat kakitangan awam sekarang sudah banyak dan kerajaan tidak bercadang menambahkannya.

Beliau menjelaskan demikian ketika menjawab soalan ketika berdialog dengan pengurusan dan kakitangan Tenaga Nasional Berhad (TNB) sempena lawatan kerja ke ibu pejabat syarikat itu hari ini.

Mengenai cadangan supaya pemberian bonus kepada pekerja TNB diputuskan oleh lembaga pengarah saja tanpa dirujuk kepada Menteri Kewangan, Dr Mahathir berkata, bonus itu akan diputuskan kerajaan.

Mengenai pengurangan caruman dalam Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) sebanyak dua peratus, beliau berkata, pekerja boleh memaklumkan agensi itu jika ingin mencarum 11 peratus.

Beliau berkata, pengurangan kadar caruman dari 11 peratus kepada

sembilan peratus akan dilaksanakan dalam jangka pendek dan sekurang-kurangnya setahun.

"Langkah itu diharap dapat memulihkan ekonomi dan bukan bertujuan menganiaya pekerja. Jika negara maju, kita juga akan dapat manfaat," katanya.

Sementara itu, dalam sidang akhbarinya, Perdana Menteri berkata, TNB mungkin memiliki kepentingan dalam projek hidroelektrik Bakun yang kini dikurangkan skalanya.

Dr Mahathir berkata, Bakun mempunyai masa depan yang cerah kerana dengan masalah tenaga di Amerika Syarikat menyebabkan banyak syarikat aluminium relau lebur terpaksa ditutup atau berpindah.

"Kita mungkin boleh menarik beberapa daripada mereka (syarikat)," katanya.

Mengenai cadangan tarif elektrik yang baru, Dr Mahathir berkata, ia terikat kepada harga gas yang tidak naik sehingga penghujung tahun dan oleh itu tiada sebab kos elektrik akan dinaikkan.

Mengenai lawatan Presiden Cuba, Fidel Castro, Dr Mahathir berkata, kedua-dua negara akan membincangkan kerjasama dua hala, termasuk mengenai isu ekonomi dan antarabangsa.

Castro akan mengadakan lawatan pertama ke Malaysia selama tiga hari bermula 11 Mei ini, atas jemputan Yang di-Pertuan Agong, Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah.